

Mohon peruntukkan RM11 juta

Usaha pentadbiran daerah mengatasi masalah banjir

TELUK INTAN - Lokasi Bandar Teluk Intan yang lebih rendah daripada paras Sungai Perak dan Sungai Bidor dikenali pasti sebagai antara punca utama kawasan itu mudah dilanda banjir, termasuk dalam kejadian terbaru di kawasan Pekan Baru, di sini, membabitkan sekitar 250 rumah teres, asrama dan sekolah.

Pegawai Daerah Hilir Perak, Ahmad Zainuddin Yeop Shamsuddin berkata, kejadian terbaru menyaksikan kawasan berkenaan dilanda banjir kilat selama 14 jam dengan ketinggian paras air antara 17 sentimeter hingga 0.3 meter.

Menurut beliau, kedudukan rendah ditambah dengan pertembungan hujan lebat dan musim air pasang menyebabkan air sungai me-

limpah lalu membanjiri kawasan rendah.

"Pentadbiran daerah sedar tentang masalah ini dan kita telah memohon peruntukan sebanyak RM11 juta daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan kerja baik pulih serta membina ban konkrit di sekeliling bandar,

"Ini merupakan antara usaha yang akan kita jalankan dalam menangani serta mencegah banjir kilat dan kerja-kerja ini akan kita mulakan sebaik sahaja peruntukan diterima," katanya ketika ditemui selepas melawat kawasan dilanda banjir, di sini.

Hadir sama, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hilir Perak, Zulkarnain Abdul Aziz.

Sementara itu, Zulkarnain memaklumkan JPS tidak ter-



AHMAD ZAINUDDIN

libat dalam sistem perparitan di kawasan perumahan Pekan Baru berikutan ia terletak di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI).

Menurut beliau, keadaan kebanyakan longkang ditutup merupakan antara masalah yang dikenal pasti sebagai punca menyebabkan kawasan perumahan berkenaan di-



Kejadian banjir di kawasan Pekan Baru, Teluk Intan turut menyebabkan lalu lintas di kawasan Taman Ros, Jalan Sultan Abdullah, tergendala.

landa banjir.

"Keadaan longkang yang ditutup menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir laju sehingga melimpah keluar lalu masuk ke dalam rumah penduduk," katanya.

Dalam pada itu, pesara kerajaan, Ramly Nin, 62 men-

dakwa, kejadian banjir itu berpunca daripada kerja-kerja pembinaan kunci air di Sungai Pak Kalong yang sedang beroperasi, di sini.

"Kawasan perumahan di sini memang senang dilanda banjir, dan air pula lambat surut kerana saluran tali air ter-

letak di kawasan lebih tinggi.

"Dalam kejadian terbaru, paras air naik dalam keadaan terlalu cepat menyebabkan kami kelam kabut, dan terpaksa memindahkan barang ke tempat lebih selamat dalam keadaan tergesa-gesa," katanya.